

**MENANGANI KONFLIK NILAI DAN ETIKA: PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN,
KELUARGA, DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DALAM MENCEGAH
FENOMENA SUGAR DATING DI KALANGAN GENERASI MUDA**

**ADDRESSING VALUE AND ETHICAL CONFLICTS: THE ROLE OF EDUCATIONAL
INSTITUTIONS, FAMILIES, AND LAW ENFORCEMENT IN PREVENTING SUGAR DATING
AMONG YOUTH**

ⁱAfiqah Mohd Faut, ⁱⁱZulzaidi Mahmud & ⁱⁱHasnizam Hashim

ⁱPelajar Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai Malaysia

ⁱⁱPensyarah Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: zulzaidi@esyariah.gov.my

ABSTRACT

The phenomenon of “*sugar dating*” has emerged as a form of illicit relationship that is increasingly prevalent among university students in Malaysia. In this arrangement, younger individuals (“*sugar babies*”), often students, receive financial or material support from older individuals (“*sugar daddies*” or “*sugar mommies*”). Participation in such relationships is driven by several key factors, including financial pressure arising from the rising cost of living—particularly since the COVID-19 pandemic—lack of attention and emotional support from family members, as well as the desire to pursue luxurious lifestyle trends. Although frequently promoted as a mutually beneficial relationship, this practice carries serious negative implications. These include psychological risks such as depression and Stockholm syndrome resulting from power imbalances, safety concerns involving the misuse of personal information and exposure to sexual crimes, as well as the spread of sexually transmitted diseases (STDs). From a legal perspective, although there is no specific law governing *sugar dating*, such activities may fall within the scope of offences under Syariah criminal law and the Penal Code relating to prostitution and immoral conduct. From an Islamic legal (*syarak*) standpoint, practices that encourage free mixing (*ikhtilāf*) and lead to adultery (*zinā*) are strictly prohibited. Therefore, a holistic approach is essential, encompassing widespread awareness campaigns, the strengthening of the family’s role in religious and moral education, and stricter law enforcement against platforms that promote *sugar dating*. Such measures are critical in addressing this issue and safeguarding the social and ethical well-being of Malaysian society.

Keywords: *Sugar baby, university students, Syariah criminal law, social problems*

ABSTRAK

Fenomena ‘Sugar Dating’ merupakan isu hubungan terlarang yang semakin menular dalam kalangan mahasiswa di Malaysia, di mana individu yang lebih muda (‘Sugar Baby’), seringkali pelajar, menerima sokongan kewangan atau material daripada individu yang lebih tua (‘Sugar Daddy’/‘Sugar Mommy’). Keterlibatan ini didorong oleh faktor-faktor utama seperti tekanan menampung kos sara hidup yang meningkat, terutamanya sejak Pandemik COVID-19, kekurangan perhatian dan kasih sayang daripada keluarga, serta keinginan untuk mengejar trend gaya hidup mewah. Walaupun dipromosikan sebagai hubungan yang saling menguntungkan (*mutual benefit*), amalan ini menimbulkan implikasi negatif yang serius, termasuk risiko trauma psikologi seperti kemurungan dan sindrom *Stockholm* akibat ketidakseimbangan kuasa, isu keselamatan seperti penyalahgunaan maklumat peribadi dan pendedahan kepada jenayah seksual, dan penularan Penyakit Jangkitan Seksual (STD). Dari sudut pandangan perundangan, meskipun tiada undang-undang khusus untuk ‘Sugar Dating’, aktiviti ini boleh disabitkan di bawah peruntukan undang-undang Jenayah Syariah dan Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan pelacuran dan persundalan. Secara syarak, amalan yang menggalakkan pergaulan bebas (*ikhtilat*) dan membawa kepada perzinaan (*zina*) adalah dilarang keras. Oleh yang demikian, penyelesaian holistik yang melibatkan kempen kesedaran meluas, pengukuhan peranan keluarga dalam pendidikan agama dan moral, serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap platform promosi ‘sugar dating’ adalah kritikal untuk menangani isu ini dan melindungi kesejahteraan sosial dan etika masyarakat Malaysia.

Kata Kunci: *Sugar Baby, Mahasiswa, Jenayah Syariah, Masalah Sosial*

Pengenalan

Fenomena ‘Sugar Dating’ secara akademik merujuk kepada hubungan transaksional yang semakin menular dalam kalangan mahasiswa, di mana pelajar yang lebih muda dikenali sebagai ‘Sugar Baby’ menerima sokongan kewangan atau material daripada ‘Sugar Daddy’ atau ‘Sugar Mommy’. Isu ini bukanlah perkara baharu, namun ia mula mendapat perhatian serius di Malaysia selepas pendedahan statistik yang menunjukkan peningkatan ketara mahasiswa dalam aktiviti ini, terutamanya melalui platform dalam talian seperti Sugarbook. Keterlibatan mahasiswa didorong oleh pelbagai faktor, termasuk tekanan ekonomi untuk menampung kos sara hidup dan yuran pengajian yang meningkat, terutamanya pasca pandemik COVID-19, serta faktor psikologi seperti kekurangan kasih sayang dan perhatian daripada keluarga. Implikasi daripada hubungan ini adalah serius, merangkumi kesan trauma psikologi yang mendalam seperti kemurungan dan sindrom Stockholm, di samping risiko keselamatan dan penularan penyakit jangkitan seksual. Dalam konteks akademik, kajian kualitatif menunjukkan bahawa penglibatan dalam hubungan ‘sugar’ boleh menjejaskan persepsi diri dan harga diri (*self-esteem*) dalam kalangan orang dewasa muda (Sum & Mohamad, 2022). Meskipun terdapat perbahasan sama ada ‘sugar dating’ adalah haram di sisi undang-undang sivil, amalan ini telah mendorong kerajaan untuk mengambil tindakan tegas terhadap platform yang mempromosikannya, kerana ia jelas bertentangan dengan nilai moral, etika, dan peruntukan undang-undang Syariah yang melarang keras perzinaan dan persundalan.

2.0 Konsep ‘Sugar Dating’


‘Sugar dating’ merujuk kepada hubungan yang melibatkan individu yang lebih tua, dikenali sebagai ‘Sugar Daddy’ atau ‘Sugar Mommy’, yang menawarkan sokongan kewangan atau material kepada individu lebih muda, dikenali sebagai ‘sugar baby’ (Firm, T.C.L., 2024). Walaupun istilah ‘sugar baby’ sering dikaitkan dengan wanita muda, ia tidak terhad kepada satu jantina, kerana lelaki muda yang terlibat dalam hubungan ini juga dikenali sebagai ‘gigolo’ (Wikipedia, 2024). Hubungan ini selalunya bersifat sementara, dengan kedua-dua pihak bersepakat dalam memberi manfaat bersama berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui. Dalam kebanyakan kes, terdapat penekanan terhadap

keinginan bersama untuk pertukaran kewangan atau material yang saling menguntungkan tanpa komitmen jangka panjang (Azmi, n. a. (n.d.).

Namun, dalam konteks yang lebih luas, terdapat persamaan antara *sugar dating* dan pelacuran, kerana kedua-duanya melibatkan pertukaran kewangan atau hadiah sebagai balasan untuk hubungan intim atau peribadi, termasuk seks. Perbezaannya mungkin terletak pada kejelasan persetujuan bersama dan perjanjian yang mengatur hubungan tersebut, yang mungkin menjadikan *sugar dating* kelihatan lebih berstruktur berbanding pelacuran yang lebih sering dilihat sebagai transaksi yang lebih langsung dan tanpa banyak perjanjian peribadi.

3.0 Keterlibatan Mahasiswa Di Malaysia

Menurut laporan yang dikeluarkan *SeekingArrangement* - sebuah laman web temu janji yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Malaysia berada di kedudukan ketiga tertinggi di Asia dengan bilangan seramai 42,500 '*sugar daddy*' berdaftar di laman web tersebut pada 2021 (Akmal Hakim, 2021). Laman itu juga mendedahkan bahawa terdapat 84,000 *sugar baby* yang telah berdaftar dari Malaysia (Hassandarvish, M., 2021). Sooi, C.C. (2022) menyatakan selain *Seeking Arrangement*, platform *Sugarbook*, yang diasaskan oleh usahawan Malaysia, Darren Chan, sendiri menyatakan bahawa bilangan pelajar universiti di Malaysia yang menjadi *Sugar Baby* melalui aplikasinya adalah seramai lebih 14,000 orang dengan pelajar dari universiti awam dan swasta ternama di Malaysia telah menjadi penyumbang kepada statistik ini.



CEO Darren Chan juga menyatakan bahawa tujuan *Sugarbook* dibangunkan bukanlah untuk pelacuran, tetapi cuma sebagai laman temu janji dalam talian yang menawarkan hubungan "*mutual benefit*" secara terbuka. Aplikasi ini menyediakan ciri-ciri yang memudahkan pengguna untuk mencari pasangan yang memenuhi keperluan kewangan atau gaya hidup masing-masing. Namun, penglibatan mahasiswa dalam platform ini telah mencetuskan kebimbangan awam kerana ia dianggap bertentangan dengan nilai moral dan budaya tempatan.

4.0 Dari Sudut Perundangan Dan Syarak

Di Malaysia, tiada undang-undang khusus yang melarang amalan '*Sugar Dating*'. Walau bagaimanapun, amalan ini boleh disamakan dengan pelacuran, yang jelas melanggar perundangan negara. Seksyen 23 (1) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 menyatakan bahawa pelacuran adalah satu kesalahan jenayah yang boleh dikenakan denda maksimum RM5,000, penjara sehingga 3 tahun, atau sebatan sehingga 6 sebatan. Sementara itu, bagi mereka yang menjadi orang tengah yang

memperkenalkan ‘Sugar Daddy’ atau ‘Sugar Mommy’ kepada ‘Sugar Baby’ atau ‘Gigolo’ serta mempromosikan hubungan sedemikian boleh disabitkan dibawah Seksyen 24 (1) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 yang menyatakan bahawa perbuatan muncikari itu merupakan satu kesalahan jenayah syariah, dengan hukuman denda maksimum RM5,000, penjara sehingga 3 tahun, atau sebatan sehingga 6 sebatan.

Seksyen 372, 372A, dan 372B Kanun Keseksaan (Akta 574) juga merujuk kepada perbuatan persundalan, yang boleh dikaitkan dengan amalan ‘Sugar Dating’ ini. Selain itu, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 boleh digunakan untuk menangani penyalahgunaan platform komunikasi dalam aktiviti ini.

Dalam perspektif syarak, pelacuran dan aktiviti yang seumpamanya adalah dilarang keras. Beberapa ayat al-Quran yang menegaskan haramnya pelacuran dan perbuatan zina adalah seperti dalam Surah Al-Maidah Ayat 5, yang mengingatkan bahawa perkahwinan yang sah adalah antara seorang lelaki dan perempuan yang menjaga kehormatan, bukan perhubungan yang melibatkan perzinaan atau perempuan simpanan, kerana perbuatan zina jelas membawa kepada kerugian di akhirat;

“Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya - di antara perempuan-perempuan yang beriman, dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya dari kalangan orang-orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka mas kawinnya, sedang kamu (dengan cara yang demikian), bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi”. (Al-Maidah : 5)

Begitu juga dalam Surah An-Nisa’ Ayat 25, yang menyatakan bahawa jika seseorang tidak mampu berkahwin dengan perempuan yang terpelihara kehormatannya, mereka dibolehkan untuk berkahwin dengan hamba perempuan yang beriman, dengan syarat mereka tidak terlibat dalam perbuatan keji (zina) atau menjadi perempuan simpanan;

“Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba-hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki. Dan Allah lebih mengetahui akan iman kamu; kamu masing-masing (suami yang merdeka dan isteri dari hamba - abdi itu) adalah berasal sama (dari Adam, dan seugama pula). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya serta berikanlah maskahwinnya menurut yang patut. Mereka (hamba-hamba perempuan yang akan dijadikan isteri, hendaklah) yang sopan bukan perempuan-perempuan lacur, dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan. Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka. (Hukum perkahwinan) yang demikian (yang membolehkan seseorang berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu ialah bagi orang-orang yang bimbang melakukan zina di antara kamu; dan sabarnya kamu (tidak berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu adalah lebih baik bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (An - Nisa: 25)

Selain itu, Surah Al-Isra’ Ayat 32 menegaskan bahawa perbuatan zina adalah sangat keji dan jalan yang membawa kepada kerosakan;

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerusakan)”. (Al-Isra’ : 32)

Oleh itu, setiap bentuk kegiatan sosial yang menggalakkan atau melibatkan ikhtilat (pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan) tanpa ikatan mahram, seperti dalam konteks ‘Sugar Dating’, adalah haram kerana ia boleh menjadi pintu kepada perzinaan, yang merupakan perbuatan yang sangat dilarang dalam Islam (Dr. M. H. M., 2021).

5.0 Faktor Mahasiswa Memilih Menjadi ‘Sugar Baby’

5.1 Menampung Kos Sara Hidup Yang Meningkat Sejak Covid-19

Krisis ekonomi yang disebabkan oleh Pandemik COVID-19 telah menyumbang kepada peningkatan aktiviti ini. Golongan pelajar universiti menduduki kedudukan teratas sebagai kelompok yang paling ramai menceburi hubungan "sugar dating" menurut laporan yang dikeluarkan oleh SugarBook. Semasa pandemik, terdapat peningkatan yang mendadak oleh golongan wanita, termasuk pelajar universiti, ke dalam platform sugar dating untuk menampung kos kehidupan yang semakin meningkat termasuk yuran pengajian, kos sewa rumah, dan perbelanjaan harian (Palansamy, Y., 2020).

5.2 Kurang Perhatian Dan Kasih Sayang

Aktivis dari *Malaysians Against Pornography* (MAP), Faris Akmal Faizal, menyatakan bahawa setiap individu yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral ini mempunyai alasan tersendiri. Ada di antara mereka yang sudahpun kaya-raya, namun terpaksa menggunakan platform berkenaan untuk mencari seseorang yang boleh memberikan kasih sayang dan juga perhatian. Jadi, ini sebenarnya bukan sahaja isu duit tetapi kurang kasih sayang dan perhatian daripada keluarga. Mereka sering diabaikan oleh ibu bapa sehingga memberi kesan negatif dari sudut emosi,” katanya.

5.3 Trend Gaya Hidup Mewah

Keinginan untuk hidup mewah menjadi salah satu faktor utama yang mendorong mahasiswa untuk terlibat dalam sugar dating. Faktor ini termasuk trend materialisme juga memainkan peranan penting, di mana keperluan untuk memiliki barangan berjenama, gajet terkini, atau kenderaan mewah telah menjadi simbol status yang penting dalam kalangan generasi muda, mendorong mereka untuk mencari cara yang lebih mudah bagi memenuhi kehendak materialistik ini (Suaraswk, 2021).

5.4 Sikap Ingin Cuba

Sikap ingin cuba sesuatu yang baru, terutamanya di kalangan golongan muda atau pelajar, sering kali mendorong mereka untuk terlibat dalam aktiviti berisiko yang boleh membawa kesan jangka panjang, termasuk ketagihan. Keinginan untuk meneroka dan mencuba perkara baharu adalah satu sifat semula jadi, namun jika ia tidak dikawal, ia boleh membawa kepada keputusan yang tidak diingini (Sum, K. Y., & Mohamad, Z. S., 2022).

6.0 Implikasi ‘Sugar Dating’ Terhadap Individu Yang Terlibat

6.1 Trauma Psikologi

‘Sugar dating’ sering kali melibatkan dua pihak, iaitu Sugar Baby dan Sugar Daddy atau Sugar Mommy. Biasanya, *Sugar Baby* adalah individu muda, seperti pelajar universiti yang baru memasuki alam dewasa, manakala Sugar Daddy atau Sugar Mommy adalah individu yang lebih tua, berstatus tinggi, dan berkedudukan ekonomi kukuh. Perbezaan umur, status, dan pengalaman ini mencetuskan ketidakseimbangan kuasa yang boleh dimanipulasi oleh pihak yang lebih berkuasa. Kebanyakan Sugar Baby berada dalam lingkungan usia remaja akhir atau awal 20-an, iaitu tempoh di mana perkembangan otak mereka, masih belum matang sepenuhnya. Oleh itu, sebahagian daripada mereka mungkin belum mampu membuat keputusan yang rasional, mengawal emosi, menyelesaikan masalah, atau menilai isu moral dan etika dengan baik.

Menurut pakar, apabila individu muda ini ditawarkan sejumlah wang yang besar, seperti RM2,000 sebulan, untuk menjadi Sugar Baby, mereka cenderung menerima tawaran tersebut kerana kekurangan kemampuan untuk menilai kesan moral dan implikasi jangka panjangnya. Dalam beberapa kes, berkemungkinan ini merupakan hubungan pertama *Sugar Baby* tersebut, jadi mereka cenderung untuk mempunyai perasaan cinta dan sayang yang mendalam terhadap *Sugar Daddy* mereka. Apabila hubungan itu berakhir, mereka mungkin akan mengalami tekanan emosi seperti kemurungan dan trauma. Trauma ini kadangkala boleh dikaitkan dengan *Stockholm Syndrome*, di mana mangsa mempunyai 'attachment issue' terhadap individu yang mempunyai pengaruh ke atas mereka, walaupun hubungan itu sebenarnya bersifat toksik.

6.2 Isu Keselamatan

Aplikasi telefon pintar sering kali tidak menjamin keselamatan kerana identiti pengguna biasanya tidak selamat. Sebagai contoh, aplikasi SugarBook sendiri, mengeluarkan laporan di yang menyebarkan statistik pelajar universiti mana yang ramai mendaftar sebagai *Sugar Baby* di aplikasi mereka. Ini meningkatkan risiko maklumat peribadi lain tersebar atau disalahgunakan. Selain itu, pengguna juga mungkin berdepan dengan penipu (scammers) atau mereka yang berpotensi terlibat dalam jenayah serius seperti penculikan dan pemerdagangan seks. Lebih membimbangkan, terdapat kemungkinan Sugar Baby menjadi mangsa penderaan seksual kerana *Sugar Daddy* atau *Sugar Mommy* selalunya mengharapkan imbalan tertentu, berkemungkinan seks, setelah memberikan pelbagai bentuk bantuan. Dalam situasi ini, *Sugar Baby* mungkin dipaksa memenuhi kehendak tersebut atas dasar rasa berhutang budi. Manipulasi psikologi, seperti 'gaslighting', boleh digunakan untuk memaksa mereka melakukan perkara yang bertentangan dengan kehendak atau nilai mereka. Risiko-risiko ini menjadikan sugar dating berbahaya kerana terdedah kepada risiko keselamatan yang tinggi.

6.3 Penyebaran Penyakit STD

Hubungan 'Sugar Dating' menormalisasikan kesan pergaulan bebas dan seks rambang yang boleh menyebabkan penularan penyakit. Remaja, dengan sifat mereka yang mudah dipengaruhi dan ingin mencuba perkara baru, seringkali terdedah kepada risiko ini. Pergaulan bebas membawa banyak implikasi kesihatan yang serius, termasuk penularan penyakit jangkitan seksual (STD). Penyakit ini boleh menjangkiti individu melalui hubungan seksual tanpa perlindungan, termasuk seks vagina, dubur, dan oral. Selain itu, risiko penyakit-penyakit lain seperti radang pelvik (PID), kehamilan luar rahim, dan kanser serviks juga meningkat. Oleh itu, teks ini menekankan betapa pentingnya kesedaran mengenai bahaya seks rambang dan bagaimana ia boleh merosakkan masa depan remaja dalam jangka panjang, meskipun ia mungkin memberikan keseronokan sementara (The Inspirasi, 2022).

7.0 Cadangan Penyelesaian

7.1 Kempen Kesedaran

Kempen kesedaran yang lebih meluas perlu dijalankan untuk memberi pencerahan kepada masyarakat, terutamanya mahasiswa, tentang risiko dan implikasi yang berkaitan dengan sugar dating. Kempen ini boleh disebarkan melalui platform dalam talian, seminar, ceramah, dan pengedaran bahan-bahan informatif seperti penulisan artikel yang menjelaskan kesan buruk yang timbul dengan penglibatan hubungan ini. Pihak berkuasa, bersama dengan institusi pendidikan, boleh memainkan peranan utama dalam memastikan mesej ini sampai kepada golongan sasaran. Selain itu, program pendidikan nilai dan moral di institusi pendidikan harus diberi penekanan yang lebih tegas. Dengan cara ini, mahasiswa dapat membuat keputusan yang lebih bijak dalam menjalani kehidupan sosial mereka, sekali gus membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan beretika.

7.2 Peranan Keluarga

Peranan keluarga adalah sangat penting dalam membimbing anak-anak sangat kerana segala-galanya bermula dari rumah. Ibu bapa adalah teladan utama yang membentuk asas nilai dan etika anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlu memperkukuhkan didikan agama dan moral sejak usia muda agar anak-anak dapat mengembangkan pemahaman yang mendalam tentang nilai-nilai yang baik dan betul. Pendidikan moral yang diterapkan di rumah dapat membantu anak-anak membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab, serta memberi mereka panduan yang jelas dalam menghadapi pelbagai cabaran.

dalam kehidupan mereka, terutamanya ketika mereka melangkah ke alam dewasa. Seperti bak kata pepatah '*melentur buluh biarlah dari rebungnya*'.

Selain didikan agama dan moral, keluarga juga harus menyediakan suasana yang penuh perhatian dan kasih sayang. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran yang sihat akan merasa lebih dihargai dan lebih selesa untuk berkongsi perasaan atau masalah mereka. Ini dapat mengurangkan kecenderungan mereka untuk mencari sokongan di luar keluarga, yang mungkin membawa kepada pengaruh yang tidak sihat. Dengan memberi perhatian yang cukup, ibu bapa dapat mengenal pasti tanda-tanda masalah awal dan memberikan nasihat atau bimbingan sebelum situasi menjadi lebih serius.

7.3 Penguatkuasaan Undang – Undang

Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dalam memantau dan mengawal aplikasi atau laman web yang mempromosikan hubungan tidak sihat seperti *sugar dating*. Walaupun *Sugar Book* telah disekat di Malaysia, masih terdapat banyak aplikasi dan laman sesawang lain yang terus mempromosikan hubungan yang berisiko dan tidak sihat ini. Langkah-langkah seperti menyekat akses kepada platform-platform ini dan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang terbabit dalam pengurusan atau promosi aplikasi tersebut perlu dilaksanakan. Kerajaan juga boleh bekerjasama dengan syarikat teknologi untuk meningkatkan kawalan terhadap platform-platform yang memfasilitasi hubungan tidak sihat, seterusnya melindungi masyarakat daripada terjebak dalam situasi berbahaya.

8.0 Kesimpulan

Fenomena '*sugar dating*' yang semakin berkembang di Malaysia, terutamanya di kalangan mahasiswa, telah menimbulkan pelbagai persoalan moral, sosial, dan perundangan. Walaupun hubungan ini mengiklankan hubungan yang dikatakan sebagai memberi manfaat bersama, realiti di sebalik amalan ini menunjukkan kesan negatif terhadap individu terlibat, terutama dari segi psikologi dan sosial.

Kegiatan ini boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa dan berkemungkinan merosakkan psikologi bagi individu yang terlibat, terutama golongan muda yang masih dalam proses pembentukan identiti dan keperibadian.

Untuk menangani isu ini, adalah penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya dan implikasi jangka panjang yang mungkin timbul akibat penglibatan dalam '*sugar dating*'. Penyelesaian yang lebih holistik, termasuk sokongan sosial dan pendidikan tentang nilai-nilai moral, adalah perlu untuk membantu golongan muda menghindari pilihan yang merugikan diri mereka. Dengan langkah-langkah yang lebih teratur, diharapkan masyarakat Malaysia dapat mengatasi fenomena ini dengan cara yang lebih konstruktif dan berkesan untuk membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab, beretika, dan mempunyai kesedaran tinggi terhadap nilai-nilai kehidupan yang positif serta menghormati kehormatan diri.

Rujukan

- Akmal Hakim. (2021, February 9). *Malaysia has 42,500 "sugar daddies" says Seeking Arrangement*. The Rakyat Post. <https://www.therakyatpost.com/living/2021/02/09/malaysia-has-42500-sugar-daddies-says-seeking-arrangement/>
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Azmi, N. A. (n.d.). *Sugar daddy dan sugar baby*. Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD). <http://inhad.kuis.edu.my/wp-content/uploads/2019/12/ISU-SUGAR-DADDY-DAN-SUGAR-BABY.pdf>
- Bahaudin, N. H., & Lajim, F. (2019, December 18). "Ini tak adil buat kami" – Pengasas Sugarbook. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/12/527476/ini-tak-adil-buat-kami-pengasas-sugarbook>

- Dr. M. H. M. (2021, February 15). *Hukum terlibat kegiatan sugar daddy* [Facebook post]. Facebook. <https://www.facebook.com/dr.mohdhapizmahaiyadin/posts/987385828457279/>
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor).
- Firm, T. C. L. (2024). *Sugar dating: What are the dangers of this type of arrangement?* Carlson Law Firm. <https://www.carlsonattorneys.com/news-and-update/sugar-dating-arrangement>
- Ghazali, N. A. B. M. (2021, February 16). Akses Sugarbook telah disekat SKMM. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2021/02/16/akses-sugarbook-telah-disekat-skmm/>
- Harian, W. S. (2021, March 23). Kesan psikologi teruk, trauma berterusan bekas sugar baby. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/129794/berita/nasional/kesan-psikologi-teruk-trauma-berterusan-bekas-sugar-baby>
- Hassandarvish, M. (2021, February 10). Survey: Malaysia is home to over 300,000 sugar babies, consisting mainly university students. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/life/2021/02/10/survey-malaysia-is-home-to-over-300000-sugar-babies-consisting-mainly-unive/1948645>
- Kanun Keseksaan (Akta 574).
- My #QuranTime. (2021, February 23). *[SIRI 92 Wacana al-Quran] Sugar baby: Terdesak atau nak mewah?* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=uWAraE7JfsU>
- Palansamy, Y. (2020, March 26). Sugar-dating service sees traffic spike in Malaysia amid COVID-19 shutdown. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/26/sugar-dating-service-sees-traffic-spike-in-malaysia-amid-covid-19-shutdown/1850375>
- Sooi, C. C. (2022). *Beyond lust: Malaysia has a booming sugar daddy, mummy & baby population*. Focus Malaysia. <https://focusmalaysia.my/beyond-lust-malaysia-has-a-booming-sugar-daddy-mummy-baby-population/>
- Suara Sarawak. (2021, February 17). Kejar kemewahan faktor terjebak sugar daddy. *Suara Sarawak*. <https://suarasarawak.my/kejar-kemewahan-faktor-terjebak-sugar-daddy/>
- Sum, K. Y., & Mohamad, Z. S. (2022). The self-perception of sugar relationships and self-esteem among young adults: A qualitative study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i6/13937>
- Surah al-Isrā' (17:32).
- Surah al-Mā'idah (5).
- Surah al-Nisā' (4:25).
- The Inspirasi. (2022, January 18). *Implikasi sugar booking kepada remaja*. <https://theinspirasi.my/implikasi-sugar-booking-kepada-remaja/>
- Yahoo! Finance. (2023, August 21). *Sugarbook: Sugar daddy dating site founder says being jailed made him more determined*. <https://sg.finance.yahoo.com/news/sugarbook-sugar-daddy-dating-site-founder-says-being-jailed-made-him-more-determined-120322093.html>
- Wikipedia contributors. (2024, December 6). *Sugar dating*. Wikipedia. https://en.wikipedia.org/wiki/Sugar_dating